



UNTUK EDARAN
SEGERA

KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA UMUM PELANTIKAN PENGERUSI BAHARU JENERAL TAN SRI RAJA MOHAMED AFFANDI BERKUATKUASA 3 OGOS 2021

KUALA LUMPUR, 3 Ogos 2021: Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) hari ini mengumumkan pelantikan Pengerusi baharu, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor (Bersara) berkuatkuasa 3 Ogos 2021.

Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi menggantikan YABhg. Jeneral Dato' Seri DiRaja Tan Sri (Dr) Mohd. Zahidi Hj Zainuddin (Bersara) yang bersara setelah berkhidmat sebagai Pengerusi LTAT sejak Ogos 2018.

Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi pernah menyandang jawatan sebagai Panglima Angkatan Tentera ke-19 pada 16 Disember 2016. Beliau bersara pada tahun 2018 setelah menabur khidmat bakti kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selama 42 tahun. Sebelum menerajui ATM sebagai Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Raja Affandi telah dilantik sebagai Panglima Tentera Darat yang ke-25 pada tahun 2013. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kepimpinan ketenteraan dan diplomasi ketika menjawat jawatan sebagai Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia dan Panglima Medan Tentera Darat. Jeneral Tan Sri Raja Affandi mempunyai kelulusan Master in Defence Studies (Australia) dan Master of Science in Defence and Strategic Studies (Pakistan).

Ketua Eksekutif LTAT, YBhg. Dato' Ahmad Nazim Rahman berkata, "LTAT mengalu-alukan kedatangan Jeneral Tan Sri Raja Affandi sebagai Pengerusi LTAT yang baharu. Dengan pengalaman beliau dalam kepimpinan ketenteraan, Jeneral Tan Sri Raja Affandi membawa bersama beliau tradisi kepimpinan yang efektif yang akan memandu LTAT

dalam perjalanan transformasi menjadi sebuah dana persaraan yang mampan dan berdaya saing.”

Sebagai Pengerusi LTAT terdahulu, Jeneral Tan Sri Zahidi telah memainkan peranan yang amat penting dalam memberi pandangan serta halatuju untuk pelaksanaan amalan tadbir urus korporat yang baik serta memainkan peranan yang besar dalam menyumbang buah fikiran dalam proses merangka Pelan Transformasi LTAT.

Menurut Dato’ Nazim, “Jasa Jeneral Tan Sri Zahidi memimpin dan membimbing Lembaga serta barisan pengurusan kanan dalam pelbagai inisiatif selama ini amat dihargai. Saya mewakili warga LTAT, melahirkan rasa syukur dan berterima kasih atas segala khidmat bakti serta kebijaksanaan Jeneral Tan Sri Zahidi sepanjang beliau berkhidmat sebagai Pengerusi kami.”

**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)
3 OGOS 2021**

PERHUBUNGAN MEDIA:

Pn. Nurin Mastura
Pengurus, Komunikasi Korporat
Lembaga Tabung Angkatan Tentera

E-mel: nurin@ltat.org.my
Laman web: www.ltat.org.my